

09/07/2001

Komponen BN mahu contohi Puteri Umno

KUANTAN, Ahad - Beberapa parti komponen Barisan Nasional (BN) menunjukkan minat mahu mencontohi daya usaha Umno menubuhkan Puteri Umno sebagai langkah menarik generasi muda menjadi ahli parti masing-masing.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata pemimpin parti berkenaan menyuarakan cadangan itu ketika menghadiri Konvensyen BN di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau yang juga Menteri Penerangan berkata, mereka berpendapat konsep penubuhan Puteri Umno boleh diperluaskan kepada parti komponen BN dengan dimulakan oleh parti yang besar.

"Mereka melihat Puteri Umno mendapat sambutan baik, terutama di kalangan generasi muda, Oleh itu, tiada sebab mereka tidak boleh mencontohi konsep penubuhan Puteri Umno sebagai usaha menarik generasi muda.

"Terpulang kepada mereka untuk membuat keputusan. Jika menjadi kenyataan, parti komponen BN sudah tentu mempunyai Puteri MIC atau Puteri MCA," katanya selepas merasmikan EG Computer Tech Cawangan Kuantan, anak syarikat Emperor Global (M) Sdn Bhd, di sini hari ini.

Ketika membentangkan ucapan dasar pada konvensyen itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN menyarankan BN perlu mengubah pendekatan untuk disesuaikan dengan keperluan semasa dan bagi menarik generasi muda, terutama yang dilahirkan selepas merdeka.

Khalil berkata, kewujudan Puteri dalam semua parti komponen membolehkannya menubuhkan satu badan seperti Pergerakan Pemuda dan Wanita supaya dapat mencerminkan perwakilan semua parti komponen.

Mengenai kenyataan Dr Mahathir bahawa BN yang mewakili pelbagai kaum di negara ini akhirnya boleh dijadikan sebuah parti tunggal untuk satu bangsa Malaysia, beliau berkata, ia memerlukan masa dan mesti dilakukan secara semula jadi.

(END)